

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



PEMIKIRAN PENDIDIKAN IMAM AL-GHAZALI DALAM *IHYA' ULUM AL-DIN*: SATU TINJAUAN SISTEMATIK TERHADAP PRINSIP SAHSIAH DAN PERANAN GURU DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

IMAM AL-GHAZALI'S PHILOSOPHY OF EDUCATION IN IHYA' ULUM AL-DIN: A SYSTEMSTIC REVIEW PRINCIPLES AND TEACHERS'S ROLE IN EARLY CHILDHOOD EDUCATION

Nurfarahanis Ariff^{1*}, Nurul Khairani Ismail²

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia
Email: p147343@siswa.ukm.edu.my

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia
Email: nkhairani@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.09.2025

Revised date: 15.10.2025

Accepted date: 13.11.2025

Published date: 01.12.2025

To cite this document:

Arif, N., & Ismail, N. K. (2025). Pemikiran Pendidikan Imam Al-Ghazali Dalam *Ihya' Ulum Al-Din*: Satu Tinjauan Sistematis Terhadap Prinsip Sahsia dan Peranan Guru Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (61), 168-180.

DOI: 10.35631/IJEPC.1061013

Abstrak:

Kemerosotan nilai moral dan akhlak dalam kalangan kanak-kanak pada era globalisasi menjadi isu yang semakin membimbangkan, khususnya apabila sistem pendidikan lebih menekankan pencapaian akademik berbanding pembangunan sahsiah dan spiritual. Motivasi utama kajian ini adalah untuk meneliti bagaimana pemikiran klasik Islam, khususnya karya agung Imam al-Ghazali *Ihya' Ulum al-Din*, dapat menawarkan kerangka pendidikan holistik yang relevan dengan cabaran pendidikan awal kanak-kanak masa kini. Kajian ini dilaksanakan melalui Tinjauan Literatur Sistematis (Systematic Literature Review, SLR) dengan berpandukan protokol PRISMA 2020 dan kerangka PICO. Sebanyak 29 artikel yang diterbitkan antara 2019 hingga 2025 dikenal pasti melalui pangkalan data utama seperti Scopus, Web of Science, ERIC, ProQuest dan Wiley Online. Artikel dipilih berdasarkan kriteria inklusi melibatkan topik pendidikan Islam, peranan guru, pendidikan awal kanak-kanak, serta pemikiran al-Ghazali. Analisis data dijalankan menggunakan kaedah tematik induktif, menghasilkan dua tema utama: (i) prinsip pembentukan sahsiah menurut al-Ghazali yang menekankan tazkiyah al-nafs, integrasi ilmu-akhlak, dan pembangunan holistik; serta (ii) peranan guru sebagai qudwah hasanah, pendidik berasaskan rahmah, dan pembimbing rohani dalam pembentukan sahsiah murid prasekolah. Dapatan ini menegaskan bahawa pemikiran al-Ghazali masih signifikan untuk diaplikasikan dalam pendidikan awal kanak-kanak sebagai asas pembangunan insan seimbang,

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

berilmu dan berakhlak. Kajian ini mencadangkan agar prinsip tarbiyah dan tasawuf al-Ghazali diintegrasikan ke dalam latihan guru, kurikulum pendidikan awal, dan dasar pendidikan Islam kontemporari bagi melahirkan generasi berakhlak mulia dan sejahtera.

Kata Kunci:

Imam al-Ghazali, *Ihya' Ulum al-Din*, Sahsiah, Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Guru, *Tazkiyah Al-Nafs*

Abstract:

The decline of moral and moral values among children in the era of globalization is becoming an increasingly worrying issue, especially when the education system emphasizes academic achievement rather than personal and spiritual development. The main motivation of this study was to examine how classical Islamic thought, in particular Imam al-Ghazali's masterpiece *Ihya' Ulum al-Din*, can offer a holistic educational framework relevant to the challenges of today's early childhood education. This study was conducted through Systematic literature Review (SLR) based on PRISMA 2020 protocol and PICO framework. A total of 29 articles published between 2019 and 2025 were identified through major databases such as Scopus, Web of Science, ERIC, ProQuest and Wiley Online. Articles were selected based on inclusion criteria involving topics of Islamic education, the role of teachers, early childhood education, as well as Al-Ghazali's thoughts. Data analysis was conducted using inductive thematic methods, resulting in two main themes: (I) the principle of personality formation according to al-Ghazali which emphasizes tazkiyah al-nafs, integration of knowledge-morals, and holistic development; and (ii) the role of teachers as qudwah hasanah, rahmah-based educators, and spiritual guides in the formation of the personality of preschool students. This finding confirms that Al-Ghazali's thinking is still significant to be applied in early childhood education as the basis for balanced, knowledgeable and moral human development. This study proposes that the principles of tarbiyah and Sufism al-Ghazali be integrated into teacher training, early education curriculum, and contemporary Islamic education policies to produce a generation of noble and prosperous.

Keywords:

Imam al-Ghazali, *Ulum al-Din*, Early Childhood, Teachers, *Tazkiyah Al-Nafs*

Pengenalan

Pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk individu menjadi insan yang lebih baik dan beradab. Sistem pendidikan yang mampan bukan sahaja memastikan perkembangan intelek, tetapi juga membina akhlak, nilai moral dan keharmonian sosial. Dalam perspektif Islam, pendidikan menekankan kesepaduan antara akal ('aql) dan wahyu (wahy) untuk melahirkan insan yang seimbang, berakhlak mulia serta mampu mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat. Namun, realiti masa kini memperlihatkan kemerosotan nilai moral, akhlak dan pembentukan sahsiah dalam kalangan kanak-kanak. Hal ini berpunca daripada kurangnya penekanan terhadap aspek pembentukan akhlak oleh pendidik dan keluarga, selain tumpuan yang lebih diberikan kepada pencapaian akademik berbanding pembangunan rohani dan spiritual. Dalam tamadun Islam, tokoh ulama yang banyak membincangkan aspek pendidikan akhlak dan pembentukan sahsiah ialah Imam al-Ghazali. Karya agung beliau, *Ihya' Ulum al-*

Din, kekal relevan hingga kini kerana menawarkan kerangka pendidikan holistik yang menekankan penguasaan ilmu, penghayatan rohani dan amalan akhlak. Al-Ghazali menegaskan bahawa keberkesanan pendidikan sangat bergantung kepada peranan guru yang bukan sekadar penyampai ilmu, tetapi juga teladan moral serta pembimbing rohani (al-Ghazali, 2005). Pandangan ini turut disokong oleh sarjana kontemporari yang menekankan bahawa sikap dan keperibadian guru memberi pengaruh besar dalam membentuk sahsiah serta perkembangan moral kanak-kanak (NurSafra et al., 2022; Ab Halim Tamuri, 2021).

Dalam kerangka ini, al-Ghazali menekankan aspek *rahmah* (kasih sayang) sebagai asas dalam hubungan guru-murid. Guru yang mengamalkan kasih sayang dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang selamat, mesra, dan penuh hormat, sekali gus menggalakkan penglibatan aktif murid dalam proses pembelajaran. Namun, landskap pendidikan semasa sering menyetepikan prinsip ini apabila ramai guru prasekolah cenderung menekankan pendekatan akademik semata-mata dan mengabaikan aspek moral serta spiritual murid (Luthfi & Purnama, 2022; Faza, 2021). Tambahan pula, pendedahan awal kanak-kanak terhadap teknologi digital dan gaya hidup moden menimbulkan cabaran baharu kepada pembentukan sahsiah mereka (Nurgenti, 2024). Walaupun terdapat banyak kajian mengenai pendidikan Islam dan peranan guru, kebanyakan kajian lebih menekankan aspek pedagogi moden atau pencapaian akademik berbanding integrasi nilai kerohanian dan akhlak seperti yang digariskan oleh al-Ghazali. Kajian khusus yang menyusun dan menganalisis secara sistematik prinsip-prinsip al-Ghazali dalam pembentukan sahsiah kanak-kanak, terutamanya dalam konteks pendidikan awal, masih terbatas. Jurang inilah yang ingin diisi melalui kajian ini dengan meneliti secara sistematik literatur berkaitan prinsip pendidikan al-Ghazali serta peranan guru dalam pembentukan sahsiah murid prasekolah.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah Systematic Literature Review (SLR) dengan berpandukan protokol PRISMA 2020 (Page et al., 2021). Pemilihan reka bentuk ini bertujuan memastikan proses kajian dijalankan secara telus, sistematik, dan komprehensif. Perumusan soalan kajian dilaksanakan berdasarkan kerangka PICO (Lockwood et al., 2015) yang merangkumi tiga komponen utama iaitu *population* (kanak-kanak prasekolah), *interest* (prinsip pembentukan sahsiah dan peranan guru), serta *context* (pendidikan awal kanak-kanak berasaskan perspektif al-Ghazali).

Strategi Carian Sistematik

Proses carian artikel melibatkan tiga fasa utama iaitu Fasa Pengenalpastian (*identification*), Fasa Tapisan (*screening*), dan Fasa Kelayakan Akhir (*eligibility*) (Shaffril et al., 2018).

Fasa Pengenalpastian:

Carian artikel dilakukan melalui lima pangkalan data utama iaitu Scopus, Web of Science, ERIC, ProQuest, dan Wiley Online. Tiga kata kunci utama digunakan, iaitu *Al-Ghazali*, *teacher's role*, dan *character development*, yang ditambah dengan sinonim seperti *Islamic pedagogy*, *moral education*, *Islamic values*, *early childhood education*, dan *Ihya' Ulum al-Din*. Carian awal ini menghasilkan 128 artikel yang berpotensi relevan dengan menggunakan research string seperti mana berikut:

("Al-Ghazali" OR "Al Ghazali" OR "Imam Al-Ghazali" OR "Abu Hamid Al-Ghazali") AND ("peranan guru" OR "pedagogi Islam" OR "murabbi" OR "pendidik" OR "guru Islam") AND


("pembentukan sahsiah" OR "pendidikan moral" OR "akhlak" OR "nilai Islam" OR "sahsiah")
AND ("pendidikan awal kanak-kanak" OR "prasekolah" OR "PAKK" OR "tadika")

Fasa Tapisan

Artikel ditapis menggunakan kriteria inklusi dan eksklusi. Merujuk kepada konsep *research field maturity* (Kraus et al., 2020), artikel yang dipilih mestilah diterbitkan antara 2019 hingga 2025, ditulis dalam Bahasa Melayu, Inggeris, atau Indonesia, diterbitkan dalam jurnal berindeks (Scopus, WoS, ERIC, ProQuest), serta membincangkan topik berkaitan pendidikan Islam, peranan guru, pendidikan awal kanak-kanak, dan pemikiran al-Ghazali. Artikel yang diterbitkan sebelum 2019, tidak berindeks, ditulis dalam bahasa lain (seperti Arab, Turki, Rusia), atau tidak relevan dengan pembentukan sahsiah murid telah dikecualikan. Setelah proses ini, 94 artikel layak untuk disaring lanjut.

Fasa Kelayakan Akhir

Sebanyak 50 artikel dinilai melalui bacaan tajuk, abstrak, dan teks penuh. Hasilnya, 29 artikel dipilih kerana memenuhi kriteria inklusi sepenuhnya. Artikel yang tidak membincangkan prinsip pendidikan al-Ghazali, peranan guru, atau pendidikan awal kanak-kanak telah dikecualikan. Proses pemilihan artikel diperincikan dalam rajah dibawah :



Rajah 1: Carta Alir Model PRISMA

Ekstraksi dan Analisis Data

Data daripada 29 artikel yang dipilih diekstrak menggunakan borang matriks analisis yang merangkumi maklumat asas seperti pengarang, tahun penerbitan, objektif kajian dan fokus penyelidikan. Analisis data dijalankan menggunakan kaedah analisis tematik induktif (Kiger & Varpio, 2020). Proses ini melibatkan beberapa langkah iaitu pembacaan berulang, pengkodan awal, pengelompokan kod, dan pembentukan tema. Akhirnya, dua tema utama dikenal pasti iaitu: (i) prinsip pembentukan sahsiah menurut *Ihya' Ulum al-Din*, dan (ii) peranan guru dalam pembentukan sahsiah murid prasekolah. Bagi memastikan kesahan dapatan, tema dan subtema ini dibentangkan kepada dua pakar dalam bidang pendidikan Islam

dan pendidikan awal kanak-kanak. Kedua-dua pakar bersetuju bahawa tema dan subtema yang dikenal pasti adalah sesuai dan relevan dengan persoalan kajian.

Dapatan Kajian

Daripada sejumlah 29 artikl yang disemak, dapatan kajian memperlihatkan dua tema utama iaitu prinsip pembentukan sashsiah menurut al-Ghazali dan peranan guru dalam pendidikan awal kanak-kanak. Tema-tema ini kemudiannya dipecahkan kepada beberapa subtema yang menggambarkan kepelbagaian pendekatan serta penekanan penyelidik terhadap aspek pendidikan akhlak dan moral berasaskan kerangka pemikiran Imam al-Ghazali. Dari segi taburan kajian sebanyak 17 artikel memberi tumpuan kepada prinsip pembentukan sashsiah manakala 12 artikel mengkaji peranan guru. Kebanyakan kajian dijalankan dalam konteks Asia Tenggara khususnya Malaysia dan Indonesia, dengan sebahagian kecil membincangkan implikasi yang lebih luas dalam pendidikan Islam global.

Jadual 1: Ringkasan Tema

Bil	Pengarang & Tahun	Tema 1:	Tema 2:
		Prinsip Pendidikan Pembentukan Sashsiah Menurut <i>Ihya' Ulum Al-Din</i>	Peranan Guru menurut Al- Ghazali
1	Sibawaihi (2021)	X	
2	Keçeci (2025)	X	
3	Possumah (2024)	X	
4	Mobarak (2022)	X	
5	Arikewuyo (2020)	X	X
6	Santoso et. al (2023)	X	X
7	Junaedi (2024)	X	X
8	Usman et. al (2021)	X	X
9	Nurgenti (2024)	X	X
10	Ebrahimi et. al (2021)	X	X
11	Mohd Nawawi & Sharifah Basirah (2019)	X	X
12	Mufrihah et. al (2024)	X	X
13	Fariza Md Sham et. al (2021)	X	X
14	Coetsee (2021)	X	X
15	Noor Shamsarini Md Isa et. al (2022)		X
16	Romli, M. & Mubin, M, U. (2023)	X	X
17	Jannah (2020)	X	X
18	Anggraini (2024)	X	X
19	Indiana, N. & Mustofa, A. (2024)	X	X
20	Saidi et.al (2023)	X	X
21	Faza (2021)	X	X

22	Luthfi & Purnama (2022)	X	X
23	Hamid (2023)	X	X
24	Husniyah et. al (2023)	X	X
25	Memon et. al (2024)	X	X
26	Suddahazai (2024)	X	X
27	Suraju & Adebayo (2024)	X	X
28	Aulia et. al (2024)	X	X
29	Laili & Sofa (2025)	X	X
Jumlah Keseluruhan		28	25

Dapatan Kajian

Dapatan kajian memberi fokus kepada Prinsip Pembentukan Sahsiah dalam pendidikan awal kanak-kanak berasaskan pemikiran Imam al-Ghazali. Empat subtema dikenal pasti iaitu *Tazkiyah al-Nafs* (penyucian jiwa dan kawalan nafsu), Integrasi Ilmu serta Akhlak dan Pembangunan Holistik.

Prinsip Pembentukan Sahsiah

Tazkiyah al-Nafs (Penyucian Jiwa dan Kawalan Nafsu)

Beberapa kajian menekankan bahawa asas pembentukan sahsiah menurut Imam al-Ghazali bermula dengan penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) dan kawalan nafsu. Sibawaihi (2021) menegaskan bahawa hubungan akal, wahyu dan intuisi membentuk kesedaran akhirat yang seterusnya menyumbang kepada proses pembersihan jiwa. Seiring dengan itu, Mobarak (2022) memberi perhatian kepada aspek kawalan nafsu dan emosi sebagai pendekatan kerohanian penting dalam pembentukan karakter murid. Hamid (2023) pula menjelaskan bahawa guru memainkan peranan utama sebagai pembina sahsiah melalui pendekatan kasih sayang dan *tazkiyah* manakala Mohd Nawawi dan Sharifah (2019) menyorot potensi akal dan jiwa sebagai asas kepada pembinaan sahsiah yang seimbang.

Integrasi Ilmu dan Akhlak

Kajian-kajian yang menekankan integrasi ilmu dan akhlak menunjukkan bahawa pendidikan menurut Imam al-Ghazali tidak hanya menitikberatkan aspek kognitif tetapi turut membina nilai moral dan spiritual. Possumah (2024) membincangkan nilai keadilan, ihsan dan tanggungjawab dalam pembentukan keperibadian. NurSafra et al. (2022) pula menegaskan bahawa guru berperanan sebagai model nilai Islam yang mengintegrasikan ilmu dan akhlak dalam amalan pendidikan. Ab Halim Tamuri (2021) menekankan tujuan pendidikan sebagai wasilah untuk mendekatkan diri kepada Allah manakala Nurgenti (2024) menegaskan keperluan guru sebagai *qudwah hasanah* dalam integrasi ilmu dan kerohanian. Kajian Fariza Md Sham et al. (2021) membandingkan teori moral Barat (Kolhberg) dengan perspektif al-Ghazali untuk memahami asas penilaian moral murid manakala Noor Shamsarini et al (2022) membangunkan kerangka epistemologi pendidikan berasaskan hati, adab dan tauhid.

Pembangunan Holistik

Selain penyucian jiwa dan integrasi ilmu-akhlak, pembangunan sahsiah murid turut melibatkan pendekatan holistik. Santoso et al. (2023) menekankan penyatuan akal, hati dan amal melalui

pendidikan akhlak yang turut mengambil kira nilai budaya setempat. Junaedi (2024) membandingkan pendekatan sufi Imam al-Ghazali dengan rasionalisme Ibnu Miskawaih dalam konteks tafsir tarbawi menunjukkan keseimbangan antara kerohanian dan intelektual. Coetsee (2021) pula menegaskan bahawa pendidikan sahsiah bukan sekadar pengajaran konseptual tetapi memerlukan penghayatan ilmu afektif. Selanjutnya, Husniyah et al.(2023) menekankan pendidikan menyeluruh berasaskan tasawuf, fiqh serta akhlak manakala Indiana dan Mustofa (2024) menggariskan kepentingan peranan *murabbi* dalam membentuk akhlak mulia. Saidi et al (2023) turut menegaskan bahawa matlamat pendidikan Islam ialah membentuk insan beriman dan berakhlak mulia. Akhir sekali, Laili dan Sofa (2025) menghuraikan bahawa akhlak menurut Imam al-Ghazali difahami sebagai *haal*, iaitu keadaan jiwa yang secara spontan melahirkan tindakan, menegaskan aspek praktikal dalm pendidikan sahsiah. Ringkasan tema dan subtema adalah seperti mana jadual 2 dibawah:

Jadual 2: Tema dan Subtema Prinsip Pembentukan Sahsiah

Subtema	Pengarang	Elemen
Tazkiyah al-Nafs (Penyucian jiwa & kawalan nafsu)	Sibawaihi (2021)	Hubungan akal, wahyu & intuisi; guru membentuk kesedaran akhirat & penyucian jiwa.
	Mobarak (2022)	Penekanan pada kawalan nafsu & emosi; pendidikan berasaskan kerohanian.
	Hamid (2023)	Menekankan guru sebagai pembina sahsiah melalui pendekatan kasih sayang & tazkiyah.
	Mohd Nawawi & Sharifah (2019)	Potensi akal & jiwa sebagai asas sahsiah.
Integrasi Ilmu dan Akhlak	Possumah (2024)	Prinsip keadilan, ihsan & tanggungjawab dalam pembinaan sahsiah.
	NurSafra et al. (2022)	Integrasi ilmu-akhlak; guru sebagai model nilai Islam.
	Ab Halim Tamuri (2021)	Pendidikan sebagai wasilah mendekatkan diri kepada Allah.
	Nurgenti (2024)	Integrasi ilmu & kerohanian; guru sebagai qudwah.
	Fariza Md Sham et al. (2021)	Perbandingan teori moral Barat & Islam; asas penilaian moral murid.
	Noor Shamsarini et al. (2022)	Kerangka epistemologi berasaskan hati, adab & tauhid.
Pembangunan Holistik	Santoso et al. (2023)	Penyatuan akal, hati & amal; pendekatan akhlak & budaya.
	Junaedi (2024)	Perbandingan pendekatan sufi (Al-Ghazali) & rasional (Ibnu Miskawaih).
	Coetsee (2021)	Bezakan ilmu konseptual & afektif; pentingnya penghayatan dalam sahsiah.
	Husniyah et al. (2023)	Pendidikan menyeluruh berasaskan tasawuf, fiqh & akhlak.
	Indiana & Mustofa (2024)	Pendidikan Islam menekankan akhlak mulia & murabbi.
	Saidi et al. (2023)	Matlamat pendidikan ialah membentuk insan beriman & berakhlak mulia.

Laili & Sofa Akhlak sebagai keadaan jiwa (*haal*) yang
(2025) melahirkan tindakan spontan.

Peranan Guru dalam Pendidikan Awal

Tema kedua memberi fokus kepada peranan guru sebagai ejen utama dalam pendidikan awal kanak-kanak berasaskan pemikiran Imam al-Ghazali. Empat subtema dikenal pasti iaitu guru sebagai *qudwah hasanah*, guru berasaskan kasih sayang dan rahmah, guru sebagai pembimbing rohani atau mursyid serta cabaran dan latihan guru.

Guru sebagai Qudwah Hasanah (Teladan)

Beberapa kajian telah menegaskan bahawa guru merupakan teladan utama dalam pembentukan sahsiah murid. Usman et al. (2021) menyatakan bahawa guru berperanan sebagai ejen sahsiah yang membimbing dengan hikmah dan kasih sayang. Nurgenti (2024) pula menekankan guru sebagai contoh terbaik (*qudwah hasanah*) dalam membentuk akhlak murid. Romli dan Mubin (2023) menggariskan ciri-ciri guru yang ikhlas, berakhlak dan mendidik murid mengikut tahap perkembangan mereka. Jannah (2020) pula menghuraikan bahawa hubungan guru dan murid perlu dibina atas dasar kasih sayang, keikhlasan dan tanggungjawab. Dalam kajian kes Aulia et al. (2024) menunjukkan bahawa guru yang menekankan kejujuran dan teladan baik dalam bilik darjah dapat memperkukuhkan pendidikan moral secara praktikal.

Kasih Sayang dan Rahmah

Selain menjadi teladan, guru juga dituntut untuk mengamalkan kasih sayang dalam proses pembelajaran. Luthfi dan Purnama (2022) menekankan sifat kasih sayang, ikhlas dan jujur sebagai kompetensi asa guru dalam pendidikan menurut perspektif al-Ghazali. Selari dengan itu, Hamid (2023) menegaskan bahawa pendidik tidak hanya berperanan menyampaikan ilmu semata-mata tetapi turut membentuk akhlak murid melalui pendekatan yang penuh hikmah dan rahmah.

Guru sebagai Pembimbing Rohani (Mursyid)

Peranan guru sebagai *mursyid* atau pembimbing rohani turut diketengahkan dalam beberapa kajian. Anggraini (2024) menghubungkan konsep bermain dengan nilai agama dan menjadikan guru sebagai pembimbing yang menanam nilai Islam sejak usia awal. Ebrahimi et al. (2021) pula menegaskan bahawa hubungan *ma'rifah* dan *mahabbah* menyatakan bahawa guru berperanan membimbing murid dengan ilmu dan kecintaan kepada Allah. Mufrihah et al. (2024) menekankan guru sebagai ejen pembentukan moral melalui instrumen penilaian *Ta'dzim* santri. Suddahazai (2024) serta Suraju dan Adebayo (2024) menekankan bahawa guru merupakan pemimpin rohani yang membimbing sahsiah murid dengan kaedah yang sesuai mengikut perkembangan mereka yang selari dengan pandangan al-Ghazali dalam *Ihya' Ulum al-Din*.

Jadual 3: Subtema Peranan Guru dalam Pendidikan Awal

Subtema	Pengarang	Elemen
Guru sebagai	Usman et al. (2021)	Guru sebagai agen pembentukan sahsiah dengan hikmah & kasih sayang.
Qudwah	Nurgenti (2024)	Guru sebagai contoh terbaik dalam membentuk akhlak.
Hasanah	Romli & Mubin	Guru ikhlas, berakhlak & mendidik ikut tahap murid.
(Teladan)	(2023)	

	Jannah (2020)	Hubungan guru-murid berasaskan kasih sayang, ikhlas & tanggungjawab.
	Aulia et al. (2024)	Guru menekankan kejujuran & contoh teladan dalam bilik darjah.
Kasih Sayang & Rahmah	Luthfi & Purnama (2022)	Menekankan sifat kasih sayang, ikhlas, jujur dalam PdP.
	Hamid (2023)	Pendidik membentuk akhlak dengan hikmah & kasih sayang.
Guru sebagai Pembimbing Rohani / Mursyid	Anggraini (2024)	Bermain sebagai medium pendidikan; guru membimbing dengan nilai agama.
	Ebrahimi et al. (2021)	Guru membimbing dengan ilmu & kecintaan kepada Allah.
	Mufrihah et al. (2024)	Guru sebagai agen pembentukan moral murid.
	Suddahazai (2024)	Guru sebagai pemimpin rohani; sesuai dengan Ihya' Ulum al-Din.
	Suraju & Adebayo (2024)	Guru pembentuk sahsiah & adaptasi kaedah mengikut murid.

Perbincangan

Pendidikan menurut Imam al-Ghazali menekankan pembentukan insan secara menyeluruh, meliputi aspek akal, rohani, emosi dan sahsiah. Pendekatan ini menolak pandangan pendidikan yang hanya berorientasikan kognitif semata-mata, kerana tanpa asas akhlak dan kerohanian, ilmu tidak dapat melahirkan insan yang seimbang dan beradab. Justeru, dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak, prinsip al-Ghazali dilihat amat relevan kerana pada peringkat usia ini murid sedang membentuk asas nilai dan keperibadian yang akan mempengaruhi perjalanan hidup mereka pada masa hadapan. Penekanan terhadap *Tazkiyah al-Nafs* atau penyucian jiwa seperti yang dihuraikan oleh al-Ghazali (2005) boleh menjadi landasan penting dalam membentuk generasi yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi juga berakhlak mulia.

Peranan guru dalam kerangka al-Ghazali jauh melampaui fungsi penyampai ilmu. Guru digambarkan sebagai qudwah hasanah iaitu teladan yang baik, pembimbing rohani, serta penasihat yang membentuk keperibadian murid melalui kasih sayang dan hikmah (Usman et al., 2021; Faza, 2021). Kajian kontemporari turut menegaskan bahawa keperibadian guru sama ada dari aspek adab, tutur kata mahupun sikap lebih mudah ditiru oleh murid berbanding nasihat secara lisan (NurSafra et al., 2022). Oleh itu, melatih guru bukan hanya dengan kemahiran pedagogi semasa tetapi juga dengan penghayatan nilai akhlak Islam merupakan langkah yang perlu diberi perhatian. Apabila guru mengamalkan kasih sayang dan keikhlasan, proses pengajaran akan lebih bermakna kerana murid terdorong mencontohi tingkah laku tersebut dalam kehidupan seharian mereka.

Walaupun pemikiran al-Ghazali lahir dalam konteks klasik Islam, prinsip yang diketengahkan masih mempunyai relevansi tinggi terhadap cabaran pendidikan semasa. Sistem pendidikan hari ini sering dikritik kerana terlalu menekankan pencapaian akademik berbanding pembinaan sahsiah murid (Nurgenti, 2024). Dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak, pendekatan al-Ghazali boleh dijadikan asas dalam mengimbangi keperluan akademik dengan keperluan membina akhlak yang luhur. Hal ini penting kerana murid yang hanya diberi tekanan akademik

tanpa perhatian terhadap sahsiah berisiko membesar sebagai individu yang tidak seimbang dari segi intelek dan emosi. Oleh itu, prinsip al-Ghazali boleh membantu menstrukturkan pendidikan yang lebih bersifat holistik, sesuai dengan tuntutan pembangunan insan secara menyeluruh.

Selain itu, integrasi prinsip pendidikan Islam al-Ghazali dalam kurikulum dan amalan guru perlu diberi perhatian khusus. Latihan guru pada masa kini lebih tertumpu kepada strategi pengajaran moden dan penguasaan kandungan, namun kurang menekankan aspek kerohanian serta pembinaan sahsiah (Luthfi & Purnama, 2022). Sehubungan itu, kurikulum pendidikan guru perlu dirangka semula dengan memasukkan nilai tarbiyah, tasawuf dan adab seperti yang digariskan oleh al-Ghazali agar guru lebih bersedia menjadi agen pembentukan akhlak murid. Romli dan Mubin (2023) juga menegaskan bahawa kompetensi guru yang ikhlas, berakhlak, dan mampu menyesuaikan pengajaran mengikut tahap murid amat penting dalam pendidikan awal kanak-kanak. Perubahan ini akan melahirkan guru yang lebih berkesan dalam menyepadukan ilmu dengan pembinaan sahsiah murid.

Namun, pelaksanaan prinsip pendidikan al-Ghazali berdepan dengan cabaran dalam konteks semasa. Sistem pendidikan moden yang berorientasikan peperiksaan sering menyukarkan guru untuk memberi fokus kepada aspek sahsiah (Hamid, 2023). Lebih membimbangkan, pengaruh teknologi, media sosial, dan budaya global telah mendedahkan kanak-kanak kepada nilai yang bertentangan dengan akhlak Islam sejak usia muda (Faza, 2021). Cabaran ini menuntut guru menggunakan strategi pengajaran yang inovatif dan kontekstual supaya nilai sahsiah yang digariskan oleh al-Ghazali dapat disampaikan dengan berkesan. Integrasi antara prinsip klasik Islam dan pendekatan pedagogi moden dilihat sebagai jalan tengah yang dapat memastikan pendidikan sahsiah terus relevan dan diterima dalam sistem pendidikan kontemporari.

Akhir sekali, perbincangan ini menegaskan bahawa pemikiran al-Ghazali wajar dijadikan asas dalam perancangan pendidikan Islam kontemporari, khususnya bagi pendidikan awal kanak-kanak. Dari sudut teori, ia memperkukuh falsafah pendidikan Islam sebagai pendidikan holistik yang menekankan kesepaduan akal, akhlak dan rohani (Saidi et al., 2023). Dari sudut praktikal, ia memberi panduan kepada guru untuk menanamkan nilai sahsiah melalui pendekatan kasih sayang, teladan dan hikmah. Dari sudut dasar pula, Kementerian Pendidikan boleh menilai semula kurikulum Pendidikan Islam agar aspek pembentukan akhlak tidak diketepikan. Kesemua aspek ini membuktikan bahawa pemikiran al-Ghazali dalam *Ihya' Ulum al-Din* masih mampu menjadi rujukan yang signifikan dalam membina generasi yang berilmu, berakhlak, dan seimbang.

Kesimpulan

Kajian ini menegaskan bahawa pemikiran Imam al-Ghazali dalam kitab *Ihya' Ulum al-Din* amat relevan untuk dilaksanakan dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak. Prinsip *tazkiyah al-nafs*, integrasi ilmu dan akhlak serta pembangunan holistik membentuk asa penting dalam pembinaan sahsiah murid. Peranan guru sebagai teladan (*qudwah hasanah*), pengamal kasih sayang (*rahmah*), pembimbing rohani (*mursyid*) dan pendidik profesional merupakan faktor penentu keberhasilan pendidikan sahsiah. Dalam konteks semasa, pelaksanaan prinsip ini perlu diadaptasi dengan cabaran moden seperti orientasi akademik yang berlebihan, pengaruh teknologi dan perubahan budaya. Dengan itu, integrasi antara prinsip klasik Islam dan pendekatan pedagogi kontemporari perlu diberi perhatian agar pendidikan awal benar-benar melahirkan insan berilmu, beradab dan berakhlak mulia.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Pensyarah saya, Dr. Nurul Khairani Ismail, atas bimbingan, dorongan serta sokongan berterusan sepanjang proses penyelidikan dan penulisan manuskrip ini. Penghargaan tulus ikhlas juga diberikan kepada Pusat Kajian Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti atas pembiayaan *Article Processing Charge (APC)* yang memungkinkan penerbitan artikel ini. Segala sokongan, tunjuk ajar dan sumbangan amat saya hargai.

Rujukan

- Ab Halim Tamuri & Ahmad Munawar Ismail. 2021. Hubungan Persekitaran Sekolah dan Guru dengan Amalan Akhlak Murid Sekolah Menengah Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*. Vol 19(6). 1-13.
- Ahmad Al Hamid. 2023. Konsep Pendidikan dalam Pandangan Imam al-Ghazali. *Jurnal Pendidikan dan Pemikiran*. Vol 2 (2). 77-85.
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad Abu Hamid. 2005. *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Anggraini, A, K. 2024. Teori Bermain Anak dalam Perspektif Islam: Studi Terhadap Konsep Bermain dan Pembelajaran Menurut Imam Al-Ghazali. (e-ISSN: 2548-4516) di Kalijaya Jogjakarta, Indonesia. *Proceedings of the 8th Annual Conference on Islamic Early Childhood Education 2024*. hlm 49-52.
- Arikewuyo, A, N. 2020. *A Comarative Study of Al-Ghazali adn Ibn Taymiyyah's Views on Sufism*. *International Journal of Islamic Thought*. Vol 17(6) 15-24.
- Aulia, R., Prastowo, A., Fathunnajih. & Saputri, D, A. 2024. *Implementing Moral Education Through Al-Ghazali's Perspective in Islamic Studies: A Case Study at Elementry School in Yogyakarta*. *Lanterna Pendidikan: Jurnal Ilmu Tarbiyah dan Keguruan*. Vol 27 (1). 243-259.
- Coetsee, M. 2021. *Between Mysitissm and Philosophical Rationality: Al-Ghazali on the Reasons of the Heart*. *Comparative Philosophy*. Vol 12 (2). 32-57.
- Ebrahimi, M., Gholami, A. & Yusoff, K. 2021. *Al-Ghazali's Ma'rifah and Mahabbah's Relations*. *International Journal of Islamic Thought*. Vol 20 (12). 65-76.
- Fariza Md Sham, Ainul Yaqin & Wachidah, H. N. 2021. *Moral Reasoning Theory: Between Kohlbergs and al-Ghazali's Perspective*. *International Journal of Islamic Thought*. Vol 20 (12). 25-33.
- Faza, N. 2021. Konsep Pendidikan Akhlak Perspektif Imam Al-Ghozali; Telaah Kitab Ilya Ulumuddin. *Journal of Islamic Studies*. Vol 6 (2). 35-51.
- Hamid, A, A. 2023. Konsep Pendidik dalam Pandangan Imam al-Ghazali. *Adabuna: Jurnal Pendidikan dan Pemikiran*.I Vol 2(2). 77-86.
- Husniyah, N, I., Hakim, N. & Salim, N. 2023. Konsep Ideal Pendidikan Islam Perspektif Imam Al-Ghozali. *Jurnal Pemikiran dan Pendidikan Islam*. Vol 7 (2). 296-305.
- Indiana, N. & Mustofa, A. 2024. *The Concept of Islamic Education in the Perspective of Imam Al Ghazali and Its Relevance in the Contemporary Era*. *Jurnal Studi Kependidikan dan Keislaman*. Vol 13 (2). 242-256.
- Jannah, L, N. 2020. Relevansi Akhlak Interaksi Guru dan Murid Menurut Al-Ghazali dalam Kitab *Ihya' Al-Ulum Ad-Din*. Tesis Sarjana. Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan. Universitas Islam Negeri Walisongo, Semarang, Indonesia.
- Junaedi. 2024. *Tafsir Tarbawi: The Verse of Education As a Basis For the Concept of Ethical Education of Ibn Miskawaih and Al-Ghazali (Comparative Analysis)*. *Journal of Education Sciences (Edusci)*. Vol 2(2). 89-104.

- Keçeci, Ş. 2025. *Early Childhood Education and Religion Oriented Child Rearing: A Case of Quran Course of Presidency of Religious Affairs for 4-6 Years Old*.
- Laili, H, N. & Sofa, A, R. 2025. Pendidikan Akhlak Menurut Imam Al-Ghazali. *CENDEKIA: Jurnal Ilmu Sosial, Bahasa dan Pendidikan*. Vol 5 (1). 01-06.
- Luthfi, R. & Purnama, S. 2022. Kompetensi Guru Menurut Abu Hamid Al-Ghazali: Relevansinya dengan Pendidikan di Era Modern. *Journal of Research and Thought on Islamic Education (JRTIE)*. Vol 5 (2). 188-203.
- Memon, N, A., Abdalla, M. & Chown, D. 2024. *Laying Foundations for Islamic Teacher Education*. *Education Sciences*. 1-20.
- Mobarak, T. 2022. "Variation" in Approaches to Human Psyche: Exploring Al-Ghazali Influence on Freudian Psychoanalysis. *Comparative Literature: East & West*. Vol 6(1) 64-79.
- Mohd Manawi & Sharifah Basirah. 2019. Perbahasan Potensi Jiwa Menurut Ibn Sina dan Al-Ghazali. *Afkar*. Vol 21(1). 85-110.
- Mufrihah, A., Supriatna, M., Ahman, A., Yudha, E. S. & Nurihsan, J. 2024. *Rasch Model Analysis of Santri Reverence Morals Scale*. *Islamic Guidance and Counseling Journal*. Vol 8 (1). 1-18.
- Noor Shamsarini Md Isa, Mohd Fadhil Kamarudin, Norfadilah Kamaruddin & Mohd Shahrizal Mat Hussin. 2021. *Conceptual Framework of Al-Ghazali Epistemology Knowledge in Meida Education*. *International Virtual Colloquium on Multi-disciplinary Research Impact*. 55-68.
- Nurgenti, S. 2024. Revitalisasi Nilai Pendidikan Islam Imam Al-Ghazali dalam Ihya' Ulumuddin. *Jurnal Pendidikan Islam*. Vol 4(2). 105-115.
- Nursafra Mohd Zhaffar, Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman & Mohd Haidhar Kamarzaman. 2022. Penggunaan Model Pengajaran Al-Ghazali dalam Konteks Pengajaran Berfikir Kritis. *Islamiyyat*. Vol 44. 71-83.
- Page, M. J. Et. al. 2021. The PRISMA 2020 statement: An updated guideline for reporting systematic reviews. *The BMJ* 372, 1-9.
- Possumah, B, T. 2024. *Searching for Islamic Perspectives on Livelihood Theory: Insights from Al-Ghazali and Al-Shaybani*. *Afkar*. Vol 26(1). 219-244.
- Rafiq, K. R. M, Harwati, H. & Yunus, M, M. 2021. *Sustaining Education with Mobile Learning for English Specific Purposes (ESP): A Systematic Review (2012-2021)*. *Sustainability*.
- Romli, M. & Mubin, M, U. 2023. *Comparative Study of Teacher Concepts from the Perspective of Ibn Khaldun and Al-Ghazali and Their Relevance to Teacher Competence*. *Jurnal Keagamaan dan Pembelajarannya*. Vol 6 (1). 1-8.
- Saidi, M., Hamami, T. & Wildan, S. 2023. Konsep Tujuan Pendidikan Islam Menurut Imam Al-Ghazali dan Guru Tua (Habib Idrus bin Salim Al-Jufri). *Jurnal Al-Qayyimah*. Vol 6 (2). 41-55.
- Santoso, T. A., Bakar, U. A. & Hasyim, D. 2023. *The Concept of Moral Education (Comparative Study of Ayyuhal Walad Book by Imam Ghazali and Serat Wulangreh by Paku Buwono IV)*. *Jurnal Syntax Idea*. Vol 5(4). 418-433.
- Sibawaihi. 2021. *Epistemologizing the Islamic Concept of Resurrection in the Hereafter: A Comparative Study Between Al-Ghazali and Fazlur Rahman*. *Afkar*. Vol 23(2). 275-310.
- Suddahazai, I, H, K. 2024. *Preparing Teachers for the Ummah: A Case Study of Hayat Foundation*. <https://doi.org/10.3390/educsci14111146>
- Suraju, S, B., & Adebayo, Y, I. 2024. *Relevance of Imam Abu Hamid AL-Ghazali's Thoughts to the Reformation of Learning in Nigeria*. Vol 6 (2). 150-164.

Usman, S., Hadi, M., Wendry, N. & Johendra, M. 2021. Tujuan Pendidikan Islam Menurut Al-Ghazali Ditinjau Dari Perspektif Hadis. *Jurnal Kajian Hadis dan Integrasi Ilmu*. Vol 1(2). 148-161.